



**APPGM-SDG**  
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020



# LAPORAN AWAL

## Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM – SDG



# KEMISKINAN (SEMENANJUNG)

# Senarai Kehadiran

## **AHLI-AHLI PARLIMEN (PENGURUSI BERSAMA)**

YB Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis @ Fakharudy (*P169 - Kota Belud*)

YB Tuan Rushdan Bin Rusmi (*P001 - Padang Besar*)

## **AHLI-AHLI PARLIMEN YANG HADIR**

YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan (*P042 - Tasek Gelugor*)

YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (*P154 - Mersing*)

YB Dr. Hajah Halimah Ali (*P109 - Kapar*)

YB Tuan Mordi Anak Bimol (*P192 - Mas Gading*)

YB Puan Syerleena Binti Abdul Rashid (*P048 - Bukit Bendera*)

YB Puan Hajah Salamiah Binti Mohd Nor (*P088 - Temerloh*)

YB Dr. Siti Mastura Binti Muhammad (*P041 - Kepala Batas*)

YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (*P112 - Kuala Langat*)

YB Puan Young Syefura Binti Othman (*P089 - Bentong*)

YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (*P154 - Mersing*)

YB Dr. Ahmad Fakhruddin Bin Fakhrurazi (*P010 - Kuala Kedah*)

## **PAKAR-PAKAR BIDANG**

Dr. Teo Sue Ann (*MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*)

Dr. Teo Lee Ken (*MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*)

Dr. Khairil Izamin bin Ahmad (*MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*)

## **AHLI-AHLI KUMPULAN SIVIL**

Kon Onn Sein (*Yayasan Kajian dan Pembangunan Masyarakat*)

Dr. Lin Mui Kiang (*PROHAM*)

Dato Indrani (*FOMCA*)

Jeffrey Phang (*PRISMA*)

Dr. Wan Puspa Melati (*PSSM*)

Nur Hannani (*URBANICE Malaysia*)

## PRAKATA

*YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis@Fakharudy  
Pengerusi APPGM-SDG*

*Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria  
Ketua Sekretariat APPGM-SDG*

Bagi pihak Jawatankuasa APPGM-SDG dan Sekretariat APPGM-SDG, prakata ini kami nukilkian bersama sempena pelancaran siri lapan Laporan Awal Dasar hasil daripada siri perbincangan kumpulan fokus dasar yang telah kami anjurkan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak berkepentingan yang lain pada tahun ini. Aktiviti ini julung-julung kali dijalankan oleh APPGM-SDG dan merupakan langkah ke hadapan yang penting dalam proses advokasi dasar kami yang telah berlangsung sejak tahun 2020.

Antara tahun 2020 dan 2024, kami telah menggunakan **lima strategi** dalam usaha untuk membangunkan pendekatan advokasi dasar yang berasaskan bukti dan analisa yang berpandukan dapatan dari peringkat akar umbi.

**Strategi pertama** adalah untuk memetakan keperluan sosioekonomi tempatan.<sup>1</sup> Bagi tujuan ini, kami telah menjalankan perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai dan agensi-agensi daerah. Kami telah menjalankan kerja lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama komuniti-komuniti setempat untuk tempoh tiga ke empat hari.<sup>2</sup> Melalui gerak kerja ini kami telah mengenal pasti masalah utama dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Selepas kerja lapangan, penyelidik APPGM-SDG telah menyediakan satu laporan pemetaan bagi kawasan parlimen tersebut. Para penyelidik juga telah berkongsi laporan tersebut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan untuk pengesahan mereka bagi isu-isu yang telah dikenal pasti.<sup>3</sup> Daripada laporan-laporan telah disediakan, kami telah menerbitkan laporan analisis situasi pada tahun 2022 dan 2023.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>2</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>3</sup> Realiti Akar Umbi (Jilid 1-5), [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

<sup>4</sup> Three publications. (1) Localising SDGs and Local Issues (2022), (2) Localising SDGs and Grassroots Concerns of six vulnerable groups in Malaysia (2023) and (3) SDGs and Grassroots Realities: Seven community case studies in Malaysia (2023). [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

**Strategi kedua** adalah menyediakan laporan semakan yang komprehensif untuk isu-isu yang telah dipetakan merentasi 85 kawasan parlimen (2020-2023).<sup>5</sup> Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh Dr. Teo Sue Ann dan beliau telah mengkategorikan isu-isu tersebut kepada 26 isu-isu tematik<sup>6</sup> di bawah tajuk-tajuk ekonomi, sosial dan alam sekitar.

**Strategi ketiga** adalah menganjurkan lima siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Parlimen APGM-SDG di Parlimen Malaysia di mana kami telah mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti dapatan kami<sup>7</sup> berkenaan tema kemiskinan, kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 bersempena dengan persidangan parlimen pertama. Kami telah menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk mempengerusikan siri perbincangan tersebut diiringi oleh pembentangan isu yang dikendalikan oleh pegawai Sekretariat daripada MySDG Center for Social Inclusion (MySDG-CSI) dan dibantu oleh pakar-pakar bidang yang telah dilantik oleh pihak kami. Siri perbincangan tersebut telah mendapat sambutan yang baik daripada Ahli-ahli Parlimen.

**Strategi keempat** adalah mengadakan sesi dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan. Pihak Sekretariat juga telah menganjurkan beberapa sesi pra-dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi secara berasingan untuk mendapatkan sokongan bagi proses perbincangan ini yang bertujuan untuk mencari persefahaman yang lebih baik dan solusi dasar dan legislatif bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Dalam konteks ini, satu siri yang merangkumi lapan perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan antara 2hb dan 18hb Julai 2024 semasa sesi persidangan parlimen. Lapan isu tematik yang telah dibincangkan adalah kemiskinan (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan pulau-pulau kecil), kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan<sup>8</sup>. Kami telah menerima sokongan yang baik daripada agensi-agensi yang terlibat termasuk maklum balas terhadap keperluan dan kebimbangan yang telah diketengahkan. Pihak Sekretariat juga telah menjalankan sesi perbincangan lanjut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan.

<sup>5</sup> APPGM SDG 2023 Annual Report, (pages 6-7). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%20Laporan%20Tahunan%202023-compressed.pdf>

<sup>6</sup> Thematic issues from qualitative findings (Page 39-50) <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%202023%20Annual%20Report-compressed.pdf>

<sup>7</sup> Five Kertas Persedian Ringkasan Dasar (poverty, welfare, food security, environment and statelessness) was prepared by the MySDG Centre for Social Inclusion

<sup>8</sup> Membina Daya Tahan Daripada Penerima Manfaat Kepada Juara SDG. APPGM-SDG July 2024 Report <https://appgm-sdg.com/buletin-julai-2024/>

**Strategi kelima** adalah menulis lapan Laporan Awal Dasar yang telah disebutkan di atas dan melancarkan laporan-laporan tersebut pada 15hb Oktober 2024 serta menganjurkan perbincangan lanjutan untuk memurnikan dokumen-dokumen tersebut. Pegawai-pegawai Sekretariat di MySDG-CSI telah bekerja keras untuk menyediakan analisis yang komprehensif di dalam kesemua laporan tersebut. Mereka telah berhubung secara rapat dengan Ahli-ahli Parlimen yang berkaitan dalam proses untuk meneliti kandungan laporan-laporan tersebut dan mengambil maklum balas Ahli-ahli Parlimen. Kami melihat laporan-laporan tersebut sebagai dokumen kerja (*working document*) yang masih memerlukan dialog berterusan dan penambah baikan dari segi analisis dan cadangan-cadangan dasar.

Kami akan melengkapkan proses advokasi dasar ini pada masa yang terdekat dan mengetengahkan dapatan kami kepada kerajaan sebagai input terhadap proses rancangan dan penggubalan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Kami juga dalam proses untuk menyediakan dokumen *Voluntary Parliamentary Review* (VPR) bagi SDG (2020-2024) sebagai kajian bebas APPGM-SDG berkenaan penyetempatan agenda SDG di Malaysia. VPR ini akan tersedia menjelang sesi *High Level Political Forum on SDGs* yang akan dianjurkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di New York antara 14hb dan 24hb Julai 2025, di mana Malaysia akan membentangkan *Voluntary National Review* (VNR) buat kali ketiga.

Di APPGM-SDG, kami menganggap bahawa perbincangan yang telah berlangsung dalam proses advokasi dasar dan juga lapan Laporan Awal Dasar kami sebagai sumbangan penting Ahli-ahli Parlimen di peringkat dasar yang makro, di samping usaha kami untuk menyetempatkan SDG di peringkat mikro melalui projek-projek solusi mikro-SDG dan kebun komuniti.

Kami juga mengakui kepentingan kolaborasi secara pelbagai pihak antara Ahli-ahli Parlimen secara dwipartisan dan agensi-agensi kerajaan di semua peringkat (persekutuan, negeri, daerah, dan kerajaan tempatan), ahli-ahli akademik, masyarakat sivil, sektor swasta serta masyarakat akar umbi. Proses konsultatif dan kolaboratif ini adalah sangat mustahak. Proses bawah ke atas (*bottom-up approach*) dari peringkat akar umbi ke peringkat lebih tinggi serta proses atas ke bawah (*top-down approach*) dari peringkat nasional ke peringkat bawah adalah kunci kepada penemuan penyelesaian yang mampan untuk isu-isu akar umbi yang kompleks.

Kami juga yakin bahawa perlu ada tekad politik (*political will*) dalam mencari konsensus untuk menangani kebimbangan masyarakat di peringkat akar umbi. Kita perlu membina konsensus dwipartisan dalam kita mencari penyelesaian untuk isu-isu yang berbangkit. APPGM-SDG menyediakan ruang bagi tujuan ini melalui penyertaan Ahli-ahli Parlimen

daripada parti-parti kerajaan dan parti-parti pembangkang. Oleh kerana mereka adalah wakil pilihan rakyat, kita perlu membina sinergi dan kerjasama yang lebih erat di antara mereka melalui agenda SDG bagi memastikan tiada sesiapa atau komuniti yang ditinggalkan di Malaysia.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam proses advokasi dasar kami ini, semua kakitangan Sekretariat terutamanya kakitangan MySDG-CSI, pakar-pakar bidang, dan semua agensi kerajaan yang telah menyertai sesi perbincangan dan memberikan maklum balas yang amat berharga.

Adalah menjadi harapan kami bahawa kita akan dapat melangkah lebih jauh ke depan melalui lapan siri Laporan Awal Dasar ini. Kami juga berharap laporan-laporan ini akan menjadi bahan rujukan dan analisis yang berguna kepada pembaca. Kami juga mengalukan maklum balas dan cadangan daripada pembaca, yang boleh dipanjangkan kepada kakitangan Sekretariat.

## KATA ALUAN

*Yang Berhormat Tuan Rushdan bin Rusmi  
Ahli Parlimen P001 - Padang Besar*

Sejak tahun 2020, *Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari* (APPGM-SDG) telah menjalankan projek solusi mikro-SDG di peringkat kawasan parlimen dan akar umbi, di mana penyetempatan SDG ini dijalankan dengan menyasarkan golongan komuniti B40 dalam menangani isu ekonomi, sosial dan persekitaran.

Ketika mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Fokus Dasar Parlimen APPGM-SDG (Siri 2) pada Julai lepas bagi tema Kemiskinan (Semenanjung) bersama Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan persekutuan, APPGM-SDG mengenal pasti beberapa isu dasar yang perlu diberi perhatian serius.

1. Ketidaksepadanan antara kehendak pasaran kerja dan kemahiran golongan graduan;
2. Penghijrahan dari luar bandar ke bandar;
3. Memperkasakan gerakan koperasi di seluruh negara;
4. Pemerkasaan ekonomi Orang Asli;
5. Sistem sokongan untuk ekonomi gig dan kerja-kerja gig, selain e-hailing dan penghantaran makanan; dan
6. Mewajibkan pendidikan sekolah menengah

Dalam perbincangan seterusnya, saya turut mengajukan supaya perkara-perkara berikut diberi fokus bersama:

1. Kita masih menghadapi masalah “delivery system” dalam menyampaikan maklumat atau advokasi berkenaan maklumat peluang pekerjaan, belajar dan insentif perniagaan oleh agensi kerajaan;
2. Berkenaan isu OKU, Akta OKU 2008, Dasar Kebajikan Negara 1990 dan Dasar Sosial Negara. Kebajikan OKU masih perlu ditambahbaik;
3. Berkenaan isu perumahan, perlu diwujudkan rumah transit seperti Anjung Kembara atau Anjung Singgah untuk isu tiada tempat tinggal sementara atau kehilangan rumah seperti kes Kampung Sungai Baru di setiap negeri. Mekanisme peserta dan kadar sewa perlu dibincangkan. Isu perumahan rakyat tetap diteruskan serta sentiasa ditambahbaik;
4. Berkenaan isu air dan telekomunikasi, perlu perjumpaan segera dengan NAHRIM dan SKMM dalam menambahbaik dan menyelesaikan isu air di luar bandar dan terpencil;
5. Isu perjawatan dalam kerajaan yang perlu ditambahbaik terutama di pedalaman; dan

6. Konsep WAKAF diperkenalkan terutama bagi syarikat berkaitan keperluan rakyat. Tiada dominasi dan monopoli oleh kapitalis. Rakyat tidak bergantung kepada orang politik tetapi sistem wakaf yang lebih adil.
7. Kepentingan RUU Suruhanjaya Pekerja Gig yang bakal dibentangkan pada sesi parliment bulan Oktober ini.

Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak. Saya percaya, dengan usaha bersama, sokongan padu daripada pelbagai pihak, dan perbincangan konstruktif, kita mampu melaksanakan usaha menoktahkan kemiskinan ini secara tuntas.

Seterusnya saya ingin menjemput semua Ahli Parlimen, terutama yang bergelar sebagai menteri untuk menelusuri dan menghayati konsep Federalisme dalam Perlembagaan Negara. Tanpa rakyat siapalah kita. Dalam usaha untuk menoktahkan kemiskinan, peruntukan Ahli-ahli Parlimen seharusnya diagihkan secara adil agar sampai kepada rakyat. Di kawasan pembangkang, tentunya terdapat juga mereka yang mengundi pihak kerajaan.

*"Al Wajibaat Aktsaru Minal Auqat,"* kewajipan kita lebih banyak dari waktu yang ada. Semoga kita dapat gunakan waktu hidup kita dan anugerah posisi kita di mana pun kita agar dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

Setinggi penghargaan dan tahniah kepada Sekretariat APPGM-SDG atas usaha berterusan ini.

*15hb Oktober, 2024  
Padang Besar (P.001)  
Parlimen Malaysia*

## KATA PENGENALAN

*Dr. Teo Sue Ann*

*Pengarah MySDG Centre for Social Inclusion, APPGM-SDG*

Sejak tahun 2020, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) telah berusaha bertungkus-lumus untuk menyetempatkan 17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di seluruh Malaysia. Hingga ke tahun 2023, para penyelidik APPGM-SDG telah memeta isu di 85 dari 222 kawasan parlimen di seluruh negara. Dengan isu-isu yang telah diperolehi, APPGM-SDG telah memulakan advokasi dasar SDG melalui *MySDG Centre for Social Inclusion* (MySDG-CSI).

Daripada isu-isu yang telah dipetakan, kami mendapati lima tema paling menonjol, iaitu kemiskinan, kebijikan, alam sekitar, keterjaminan makanan, dan tiada kewarganegaraan. Walaupun kami telah mengumpulkan data-data kualitatif untuk lima tema tersebut, kami mendapati bahawa isu-isu yang telah dicatatkan adalah berbeza apabila dianalisis secara mendalam disebabkan oleh: latar belakang komuniti yang berlainan; wilayah dan lokasi yang berbeza; kadang-kala juga disebabkan oleh hubungan politik; dan cara kehidupan komuniti tempatan yang berbeza. Namun, apabila kami menganalisa isu-isu ini daripada segi makro, kami telah mendapati bahawa terdapat suatu corak persamaan yang muncul daripada data-data tersebut.

Yang lagi pentingnya, adalah bahawa data-data yang telah dikumpulkan oleh para penyelidik APPGM-SDG adalah bersifat kualitatif. Melalui data-data ini, kami dapat menghayati isu-isu yang telah dialami oleh komuni-komuniti di akar umbi melalui perkongsian naratif mereka. Data-data kualitatif ini telah membolehkan kami untuk meneliti isu-isu tempatan secara makro dan mikro. Ini menjadi suatu dorongan yang penting untuk pihak kami bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dalam gerak kerja advokasi dasar APPGM-SDG.

Ahli-ahli Parlimen adalah wakil rakyat yang penting dan mereka yang sering berhadapan dengan komuniti-komuniti yang memerlukan bantuan. Dengan itu, siri perbincangan pertama yang telah dijalankan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 dibuktikan penting tidak sahaja sebagai suatu peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang rentas parti politik berlainan untuk membincangkan isu-isu yang sedang dan telah berlaku di kawasan-kawasan parlimen masing-masing. Dalam sesi tersebut, mereka juga dapat mengetepikan agenda politik parti masing-masing dan mendapat kesedaran bahawa isu yang sama juga berlaku di kawasan-kawasan parlimen selain dari kawasan yang diwakili oleh mereka.

Daripada lima sesi perbincangan tersebut, terdapat tiga keputusan penting yang telah dipersetujui oleh para Ahli-ahli Parlimen yang hadir. Pertamanya, penyertaan daripada pihak kementerian kerajaan sebagai salah satu pihak berkepentingan dalam proses ini adalah diperlukan. Maklum balas daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan dasar pembangunan negara adalah mustahak dalam perbincangan isu-isu tempatan di kawasan parlimen. Dengan itu, kami telah berusaha untuk menjemput dan mendapatkan penyertaan kementerian dalam sesi perbincangan kedua yang telah berlangsung antara 2hb dan 18hb Julai 2024.

Keputusan kedua yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Parlimen adalah memisahkan tema kemiskinan yang dikatakan terlalu luas. Jikalau perbincangan diteruskan untuk sesi seterusnya dengan merangkumi semua kawasan di Malaysia, komuniti-komuniti yang tinggal di pulau-pulau kecil, keadaan kemiskinan di wilayah Sabah dan Sarawak masing-masing tidak akan mendapat tumpuan yang memadai dalam perbincangan tersebut. Justeru, bagi memastikan perbincangan yang lebih menyeluruh MySDG-CSI telah menjalankan sesi perbincangan di Sabah dan Sarawak masing-masing, bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil kementerian di peringkat wilayah. Siri perbincangan tersebut telah berjaya dijalankan dengan sokongan dan kerjasama *Institute for Development Studies* (IDS) di Sabah, dan *Economic Planning Unit* di Sarawak.

Keputusan yang ketiga adalah supaya perbincangan bertema keterjaminan makanan dipisahkan kepada dua sesi yang bertumpu kepada pertanian dan penternakan sebagai satu sesi, serta perikanan sebagai satu sesi yang lain. Sebab untuk pemisahan ini adalah sama seperti untuk tema kemiskinan. Isu-isu yang diperolehi untuk kedua-dua lapangan tersebut adalah berbeza dan para Ahli Parlimen juga memberi tumpuan yang lebih mendalam untuk setiap tema rinci yang penting ini.

Secara keseluruhannya, proses advokasi ini dipimpin oleh penyertaan dan cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil Kementerian. Suatu pemerhatian yang signifikan adalah bahawa kedua-dua pihak yang berkepentingan ini telah bersetuju bahawa kerjasama yang erat adalah sangat penting untuk memastikan suatu bentuk institusi kerajaan yang kukuh demi mencapai bukan sahaja SDG 16 tetapi semua SDG yang lain yang saling berkait rapat.

Hasil daripada sesi-sesi perbincangan ini menjangkaui lebih daripada apa yang telah kami jangkakan. Satu pencapaian yang penting adalah penghasilan lapan Laporan Awal Dasar SDG yang bertemakan Kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Pulau-pulau kecil, Kebajikan, Keterjaminan Makanan, Alam Sekitar dan Tiada Kewarganegaraan. Laporan-laporan awal ini akan menjadi teras kepada usaha advokasi dasar kami yang seterusnya pada tahun 2025 bagi menjalinkan kerjasama dengan lebih ramai pihak yang

berkepentingan seperti kerajaan di peringkat wilayah, negeri dan daerah, masyarakat sivil (CSO), badan-badan pemikir dan ahli-ahli akademik. Di samping itu, menerusi siri perbincangan ini, kami telah berjaya menjalinkan kerjasama erat bersama dengan pelbagai kementerian.

Dengan itu, proses polisi advokasi MySDG-CSI telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penyetempatan SDG melalui APPGM-SDG. Walaupun siri perbincangan ini berupa lambang kepada langkah permulaan dalam usaha advokasi dasar yang mampan, ia telah menyumbang kepada daya gerak Kerajaan Malaysia dalam usaha mencapai agenda SDG menjelang 2030.

# Kandungan

<b>RINGKASAN EKSEKUTIF .....</b>	<b>1</b>
<b>1. LATAR BELAKANG .....</b>	<b>4</b>
<b>2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KEMISKINAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA OLEH APPGM-SDG.....</b>	<b>8</b>
2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama, ..... 29hb Februari 2024 .....	8
2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 16hb Julai 2024.....	9
<b>3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN.....</b>	<b>11</b>
<b>DAN AHLI PARLIMEN .....</b>	<b>11</b>
3.1 Kemiskinan dan Kesihatan .....	12
3.2 Kemiskinan dan Pendidikan .....	12
3.3 Kemiskinan dan Taraf Kehidupan .....	13
<b>4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN.....</b>	<b>16</b>
4.1 Kemiskinan dan Kesihatan .....	16
4.2 Kemiskinan dan Pendidikan .....	17
4.3 Kemiskinan dan Taraf Kehidupan .....	17
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>22</b>
<b>LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN</b>	<b>24</b>
1.1 Isu-isu berkaitan Kemiskinan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen, 29hb Februari 2024 .....	24
1.2 Isu-isu berkaitan Kemiskinan di Semenanjung Malaysia untuk Sesi FGD Kedua bersama Ahli Parlimen dan Agensi Kerajaan, 16hb Julai 2024 .....	27
1.3 Senarai Maklum Balas dan Cadangan Dasar daripada Agensi-agensi Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen,_16hb Julai 2024.....	41
<b>LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 29hb Februari 2024.....</b>	<b>48</b>

**LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN  
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN  
KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 16hb Julai 2024 .....49**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Seperti mana konteks global, Malaysia berdepan dengan cabaran untuk membasmi kemiskinan dalam semua bentuk menjelang tahun 2030 seperti yang disasarkan oleh agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Sehubungan itu, pembasmian kemiskinan telah menjadi teras utama agenda pembangunan negara, merentasi dasar-dasar sosioekonomi kerajaan. Dari perspektif SDG, matlamat "Tiada kemiskinan" telah disenaraikan sebagai SDG 1 – dalam erti kata lain, matlamat SDG yang kritikal dan berhubung kait dengan matlamat-matlamat yang lain terutamanya SDG 2 ("Tiada kebuluran"), SDG 3 ("Kesihatan yang baik dan sejahtera"), SDG 4 ("Pendidikan berkualiti"), SDG 5 ("Kesaksamaan gender"), SDG 10 ("Mengurangkan ketidaksamarataan"), dan SDG 16 ("Keamanan, keadilan dan institusi yang kuat").

Laporan awal dasar ini merangkumkan proses advokasi dasar bagi tema kemiskinan di kalangan komuniti pulau-pulau kecil yang telah dijalankan oleh sayap penyelidikan dan dasar Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG), *MySDG Center for Social Inclusion* (MySDG CSI) pada tahun 2024. Kandungan laporan ini adalah hasil daripada penyertaan pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam aktiviti penyetempatan APPGM-SDG di dalam kawasan parlimen masing-masing dan yang telah turut serta dalam aktiviti perbincangan dasar yang telah dianjurkan oleh MySDG-CSI pada tahun ini. Selain Ahli-ahli Parlimen, pihak-pihak berkepentingan lain yang telah terlibat adalah kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan persekutuan serta organisasi masyarakat civil (CSO).

Dua sesi perbincangan kumpulan fokus dasar (FGD) telah dianjurkan di Parlimen Malaysia oleh MySDG-CSI untuk membincangkan isu-isu berkaitan kemiskinan pada tahun ini. FGD pertama telah dianjurkan pada 29hb Februari 2024 dan telah disertai oleh Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil CSO. Selain daripada membincangkan isu-isu kemiskinan berdasarkan data daripada aktiviti pemetaan APPGM-SDG yang telah dibentangkan oleh pasukan MySDG-CSI, hasil daripada FGD tersebut adalah pemurnian isu-isu perbincangan dalam bentuk senarai tiga isu utama yang lebih berfokus yang dibahagikan kepada konteks-konteks yang khusus dan berlainan termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, dan komuniti pulau-pulau kecil. Isu-isu utama bagi kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah menjadi fokus perbincangan semasa sesi FGD yang kedua yang telah dijalankan pada 16hb Julai 2024. FGD tersebut melibatkan perbincangan di antara Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan persekutuan yang telah dijemput untuk memberi maklum balas terhadap isu-isu yang relevan dengan bidang kuasa mereka.

Tiga isu utama tersebut meliputi 85 kawasan parlimen yang telah dipetakan oleh APPGM-SDG setakat tahun 2023. Isu-isu utama tersebut dihuraikan melalui hubung kait antara kemiskinan dan **kesihatan** (kesukaran untuk mendapat perkhidmatan kesihatan, isu hubungan antara gender, dan kesihatan dan kewujudan perlindungan sosial), **pendidikan** (kekurangan akses kepada peluang pendidikan yang berkualiti), dan **taraf kehidupan** (kesukaran mendapat peluang pekerjaan, kekurangan keupayaan untuk peniaga-peniaga kecil memasarkan barang mereka, keadaan kehidupan dan sosial golongan yang tinggal di PPR, perumahan kos rendah dan rumah transit, dan kekurangan infrastruktur asas yang membolehkan aktiviti perniagaan dan boleh menjana pendapatan).

Wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan telah memberi maklum balas untuk isu-isu tersebut. Bagi isu **kesihatan**, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah memaklumkan bahawa JAKOA menyediakan bantuan ambulans darat dan helikopter oleh kepada masyarakat Orang Asli untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan kesihatan. Bagi isu **pendidikan** pula, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memaklumkan bahawa KPM telah menggagaskan 7 Teras Nadi Keunggulan KPM yang bertujuan membantu menangani isu-isu yang berbangkit, khususnya melalui teras ketiga yang memberi perhatian terhadap isu kemiskinan multidimensi bagi murid daripada keluarga B40, serta cadangan oleh KPM untuk mewajibkan pendidikan menengah bagi menangani isu keciciran pelajar. Bagi isu **taraf kehidupan**, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah memberi maklum balas bahawa KESUMA telah melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif untuk menangani masalah berkaitan pekerjaan di kalangan belia. Maklum balas oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pula merangkumi pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan keberdayaan keusahawanan dan perniagaan kumpulan-kumpulan rentan seperti wanita dan golongan B40. Kementerian Komunikasi (KK) pula memberi maklum balas berkenaan penyediaan perkhidmatan NADI di banyak kawasan di seluruh negara dan pelan untuk meluaskan lagi inisiatif berkenaan bagi membantu menangani kekurangan akses kepada jaringan Internet. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pula memaklumkan mengenai pelbagai program dan inisiatif berkaitan perumahan yang dilaksanakan oleh KPkt.

Ahli-ahli Parlimen pula telah menyuarakan beberapa cadangan dasar untuk menyelesaikan isu-isu yang telah dibincangkan. Bagi isu **kesihatan**, cadangan yang disuarakan adalah supaya diadakan perkongsian maklumat yang lebih baik bersama pihak-pihak berkepentingan di semua peringkat berkenaan akses kepada perkhidmatan kesihatan di kalangan penduduk setempat untuk menggalakkan penyelesaian pelbagai pihak. Bagi isu **pendidikan** pula, cadangan yang telah diberikan adalah supaya program

Rancangan Makanan Tambahan (RMT) ditambah baik untuk menjamin nutrisi makanan yang dihidangkan kepada pelajar sekolah. Akhir sekali, bagi isu **taraf kehidupan**, cadangan yang telah diberikan termasuk supaya koordinasi yang lebih baik diwujudkan antara semua peringkat kerajaan untuk menangani isu ketidaksepadanan kerja dan kemahiran, komunikasi dan advokasi tentang keperluan industri tempatan dan program latihan pekerjaan dijalankan dengan lebih jelas dan berkesan, sebuah jawatankuasa rentas kementerian diwujudkan untuk merangka pelan tindakan bagi keusahawanan wanita, pembinaan rumah mampu milik dilaksanakan secara sama rata di kawasan bandar dan luar bandar melalui kerjasama yang lebih kukuh di semua peringkat, dan fokus yang berterusan diberikan untuk melindungi dan mengiktiraf aktiviti ekonomi tradisional Orang Asli.

Proses advokasi dasar ini merupakan salah satu usaha APPGM-SDG untuk membantu kerajaan dari segi menyalurkan maklumat berkenaan isu-isu kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat di peringkat akar umbi dan mencari penyelesaian yang komprehensif, mampan, bersepadau dan dwipartisan untuk isu-isu tersebut. Cadangan-cadangan yang telah diketengahkan di dalam laporan ini juga berupaya untuk membantu negara mencapai matlamat-matlamat dan sasaran-sasaran SDG, seiring dengan usaha kerajaan untuk memenuhi agenda SDG negara menjelang tahun 2030.

## 1. LATAR BELAKANG

Kemiskinan merupakan isu sosioekonomi global terpenting dan telah diletakkan pada aras yang tertinggi dalam agenda pembangunan global sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua. Pelbagai langkah telah diambil melalui pertubuhan-pertubuhan pembangunan antarabangsa dengan kerjasama kerajaan-kerajaan nasional untuk mengeluarkan negara-negara dan masyarakat-masyarakat yang dibelenggu kemiskinan daripada fenomena tersebut.

Pembasmian kemiskinan dalam semua bentuk dan dimensi adalah tunjang kepada kesemua 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) pada tahun 2015. Matlamat tunjang ini telah ditekankan sekali lagi sebagai SDG 1: ‘Membasmi Semua Bentuk Kemiskinan Di Seluruh Dunia’. Dalam erti kata lain, Pembasmian kemiskinan merupakan agenda yang kritikal dan menjadi asas kepada SDG yang lain. Usaha untuk mencapai matlamat-matlamat SDG yang lain seperti Sifar Kebuluran (SDG 2), Kesihatan Yang Baik dan Sejahtera (SDG 3), Pendidikan Berkualiti (SDG 4) dan Kesaksamaan Gender (SDG 5) akan menjadi sukar sekiranya kemiskinan tidak dibasmi.

Laporan ini adalah sebahagian daripada usaha Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) demi menyokong usaha kerajaan untuk membasi kemiskinan di Malaysia. Agenda pembasmian kemiskinan telah menjadi agenda utama kerajaan sejak kemerdekaan. Dari segi sejarah, pada tahun 1940-an, usaha-usaha kerajaan Malaysia adalah lebih bertumpu kepada pembangunan infrastruktur dan pertanian. Pada tahun 1950-an, tumpuan dan dasar kerajaan telah berubah ekoran tragedi 13 Mei 1969. Peristiwa tersebut telah mendorong kerajaan Malaysia untuk mencari strategi berbeza dengan memberi tumpuan yang lebih kepada aspek keadilan dan kesaksamaan dalam usaha untuk membasi kemiskinan. Sejak itu, pelbagai dasar nasional telah dirancang dan dilaksanakan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Model Ekonomi Baru (MEB) dan Pelan-Pelan Malaysia berpenggal (Azman, Sulaiman et al., 2014). Sejak ia diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) pada tahun 2015, Malaysia juga telah menerima pakai matlamat-matlamat SDG melalui penyelarasas sasaran dasar-dasar kerajaan dengan indikator-indikator terpilih termasuk untuk topik kemiskinan (Kementerian Ekonomi, 2021).

Pelbagai kajian mengenai aspek-aspek dan dimensi-dimensi kemiskinan yang berbeza juga telah dijalankan oleh pelbagai pihak di Malaysia termasuk penyelidik universiti, badan pemikir awam, swasta dan antarabangsa, serta organisasi masyarakat sivil (CSO). Sebagai contoh, terdapat kajian yang menumpukan kepada keadaan kemiskinan di Malaysia dari segi dimensi spatial (ruang atau lokasi) dengan mengumpul data GIS

(*Geographical Information System*) (Samat and Elhadary, 2016; Samat, Rashid and Elhadary, 2018). Dengan memetakan data yang sedia ada (e-Kasih), Samat and Elhadary (2016) telah mencadangkan supaya dasar dan pelan tindakan pembasmian kemiskinan memberi tumpuan yang lebih dari segi lokasi tempatan. Mereka berpendapat bahawa strategi untuk membasi kemiskinan perlu mengambil kira keadaan sebenar di peringkat tempatan, dan tidak bergantung kepada cara yang seragam. Wilayah dan lokasi yang berlainan memerlukan cara yang berlainan untuk membaiki keadaan sosio-ekonomi penduduk tempatan, terutamanya mereka yang miskin. Pendapat untuk menggunakan cara yang berlainan dan selaras dengan konteks tempatan juga banyak kali diutarakan oleh penulis-penulis yang lain. Nair (2010) contohnya mencadangkan bahawa dengan menggunakan pendekatan keupayaan (*capability approach*) oleh Amartya Sen.

Di Malaysia, kemiskinan dilihat sebagai isu rentas sektor (*cross-cutting*) dan menjadi asas kepada tanggungjawab semua bidang kuasa di setiap peringkat pentadbiran kerajaan. Selain itu, kerajaan juga menjadikan agenda pembasmian kemiskinan sebagai agenda yang tetap dalam semua pelan pembangunan negara, termasuklah dokumen Rancangan Malaysia yang merupakan dokumen induk yang menetapkan objektif pembangunan negara untuk tempoh setiap lima tahun. Antara objektif utama setiap Rancangan Malaysia adalah untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang adil untuk setiap lapisan dan golongan masyarakat. Peruntukan dan program-program di bawah setiap Rancangan Malaysia juga disediakan dengan mengambil kira keperluan untuk pengagihan pembangunan yang adil untuk semua kawasan di seluruh negara. Pada masa ini, kita telah menghampiri peringkat akhir implementasi Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) dan kerajaan sedang dalam proses untuk merangka Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2025.

Sejak Rancangan Malaysia Ke-11, kerajaan Malaysia telah menggunakan kaedah pengukuran kemiskinan berdasarkan Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) global sebagai pelengkap kepada kaedah PLI. MPI merupakan kaedah untuk mengukur kemiskinan yang melangkaui deprivasi kewangan semata-mata dan juga intensiti insiden kemiskinan. Menurut pihak yang membangunkan MPI, *United Nations Development Programme* (UNDP) dan *Oxford Poverty and Human Development Initiative* (OPHI), secara asasnya MPI global memantau deprivasi mengikut 10 indikator merangkumi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup (Thorbecke, 2013). Selain mengukur pendapatan isi rumah berbanding ambang PLI, Malaysia juga memantau 10 indikator merangkumi kategori-kategori MPI global, iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup (Alkire 2011, Alkire and Santos 2014). Di Malaysia, kerajaan telah menambah satu lagi dimensi pendapatan, untuk mendapat gambaran yang lebih menyeluruh.

Selain itu, gagasan atau prinsip pemerintahan yang diperkenalkan setiap kerajaan yang menerajui tumpuk kepimpinan negara juga biasanya menekankan aspek keadilan sosioekonomi sebagai salah satu tema utama. Pada masa ini, gagasan Ekonomi MADANI menekankan komitmen kerajaan untuk meningkatkan darjat hidup rakyat melalui visi Menaikkan Lantai yang merangkumi pekerjaan bermakna dan berpendapatan tinggi, keterangkuman dan kesaksamaan peluang, akses sejagat pendidikan dan kesihatan, kemudahan asas bertaraf dunia, dan perlindungan sosial untuk semua (Jabatan Perdana Menteri, 2023).

### **Pengukuran Kemiskinan di Malaysia, 2022**

Oleh kerana kemiskinan mutlak Malaysia diukur berdasarkan ambang pendapatan, maka skala pengukuran adalah berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI).<sup>9</sup> Pendapatan Garis Kemiskinan telah menjadi skala utama untuk mengukur kemiskinan di Malaysia sejak 1970an dengan berdasarkan kepada satu isi rumah mempunyai 5 orang ahli. Ralat ini dikemaskini pada tahun 2005, hasil daripada kerjasama Unit Perancangan Ekonomi (UPEN), Jabatan Perangkaan Statistik Malaysia (DOSM) dan *United Nations Development Programme* (UNDP). Semenjak itu, PLI bukan sahaja mengukur kemiskinan tetapi juga mengambil kira saiz, Lokasi dan komposisi isi rumah. Pada tahun 2012, UPEN meminta bantuan UNDP untuk mengemaskini sekali lagi PLI untuk memberi gambaran yang teliti tentang keadaan kemiskinan di kalangan masyarakat Malaysia. Misalnya bagi PLI makanan, tumpuan telah diberi kepada harga makanan harian yang lazimnya digunakan oleh golongan miskin. PLI sekali lagi dikemaskinikan pada tahun 2019 atas gesaan daripada Ahli-ahli Parlimen dan masyarakat sivil. Ia telah dilakukan dengan mengemaskinikan pilihan makanan yang mementingkan kesihatan dan barang bukan makanan yang mementingkan kualiti barang. Mengikut piawai PLI 2019, purata perbelanjaan untuk makanan adalah RM1,1170 berbanding dengan RM623 pada tahun 2005. Purata pendapatan isi rumah adalah RM2,208 mengikut PLI 2019 (Demery, n.d.). Pada masa ini, ambang PLI nasional di Malaysia adalah RM2,589 berdasarkan pengemaskinian menggunakan metodologi terbaru pada tahun 2022 (EPU,

---

<sup>9</sup> Pada asasnya, PLI terdiri daripada dua kategori – makanan dan bukan makanan. Menikut piawai PLI 1977, seisi keluarga yang mempunyai lima ahli, garis lantai kemiskinan bagi makanan adalah RM160 sebulan, sedangkan barang bukan makanan ditetapkan pada RM92.36 sebulan. Untuk makluman lanjut sila rujuk kepada

Demery, D. (n.a). "Changing perspectives on Malaysia's Poverty Line Income." Retrieved 7 October 2024, 2024, from <https://www.ehm.my/publications/articles/changing-perspectives-on-malaysias-poverty-line-income#:~:text=The%20PLI%20is%20fixed%20in,of%20inflation%20on%20the%20poor.>

2023). Kemiskinan relatif pula adalah bilamana isi rumah berpendapatan di bawah separuh daripada pendapatan menengah (median)<sup>10</sup> (Nair, 2010).

## PLI by State, 2019 and 2022

### PLI 2019 (RM)

2,208	♦1,038	1,169
2,633	♦1,314	1,319
2,537	♦1,358	1,179
2,507	♦1,195	1,312
2,505	♦1,240	1,265
2,375	♦1,097	1,279
2,270	♦1,069	1,201
2,254	♦1,040	1,214
2,216	♦1,107	1,110
2,139	♦959	1,181
2,131	♦1,035	1,096
2,128	♦1,054	1,074
2,088	♦872	1,216
2,077	♦975	1,102
2,022	♦856	1,166
1,989	♦985	1,004
1,967	♦833	1,133

### Malaysia

FT of Labuan

Sabah

Terengganu

Johor

Melaka

Pahang

Kedah

FT of Kuala Lumpur

Kelantan

Sarawak

FT of Putrajaya

FT of Putrajaya

Negeri Sembilan

Perak

Selangor

Pulau Pinang

Perlis

### PLI 2022 (RM)

1,198	1,392	♦2,589
1,274	1,556	♦2,830
1,109	1,707	♦2,816
1,367	1,383	♦2,751
1,218	1,524	♦2,742
1,244	1,426	♦2,670
1,161	1,465	♦2,627
1,298	1,320	♦2,618
1,268	1,308	♦2,576
1,204	1,276	♦2,480
1,206	1,244	♦2,450
1,173	1,230	♦2,402
1,084	1,213	♦2,297
1,196	1,101	♦2,297
1,156	1,115	♦2,271
1,036	1,213	♦2,250
1,139	1,001	♦2,140

♦ Total PLI

■ Food PLI

■ Non-Food PLI

Note: Total PLI value may differ due to rounding.  
Source: Department of Statistics Malaysia

Sumber: EPU (2023), Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12

Berikutan pengemaskinian piawai PLI, pengukuran MPI turut berubah. Laporan RMK11 telah menunjukkan bahawa indeks kemiskinan telah melonjak dari 0.86% (dengan ukuran PLI 2014) kepada 3.66 peratus (dengan ukuran PLI 2019) disebabkan lantai pendapatan kemiskinan telah meningkat.

Dari tahun 2020 hingga tahun 2023, APPGM-SDG telah melengkapkan proses penyetempatan di 85 kawasan parlimen di seluruh negara, yang menjadi asas kepada laporan dasar ini. Laporan ini merangkumkan proses advokasi dasar untuk isu-isu berkaitan kemiskinan di Semenanjung Malaysia yang telah dibawa kepada perhatian Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan agensi-agensi kerajaan serta cadangan-cadangan untuk

<sup>10</sup> Pendapatan menengah (median) adalah berdasarkan kepada PLI yang diguna. Contohnya, dengan pengemaskinian PLI pada tahun 2019, secara purata, pendapatan menengah isi rumah adalah sebanyak RM2,208, dua kali ganda purata pendapatan menengah isi rumah dengan ukuran berdasarkan PLI 2005, iaitu RM983 (Demery, n.d.).

penambahbaikan dasar kerajaan hasil daripada libat urus antara pihak-pihak tersebut yang telah dimudahcarakan oleh APPGM-SDG. Walaupun banyak kajian dan analisis dasar mengenai kemiskinan telah dihasilkan dalam konteks Malaysia, setakat ini masih belum terdapat gerak kerja yang telah berjaya membawa suara-suara masyarakat yang terkesan oleh kemiskinan, Ahli-ahli Parlimen, dan agensi-agensi kerajaan untuk membincangkan isu-isu yang masih berbangkit di peringkat akar umbi dan mencari penyelesaian yang berkesan dan lestari secara bersama. Di sini letaknya keunikian laporan dasar ini, yang mengetengahkan langkah-langkah penyelesaian dasar hasil perbincangan antara pelbagai pihak berkepentingan yang telah diadakan pada tahun ini.

## **2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KEMISKINAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA OLEH APPGM-SDG**

Proses penyediaan laporan dasar ini adalah berasaskan kepada penyertaan pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam aktiviti penyetempatan APPGM-SDG di dalam kawasan parlimen masing-masing. Ahli-ahli Parlimen tersebut mewakili kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang, sejajar dengan paksi utama kegiatan APPGM-SDG iaitu prinsip dwi-partisan yang menitikberatkan penyertaan wakil-wakil rakyat daripada blok-blok politik yang berlainan. Selain Ahli Parlimen, pihak-pihak berkepentingan yang lain yang telah turut serta dalam aktiviti advokasi dasar kami ini ialah kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan persekutuan dan organisasi masyarakat sivil (CSO).

Satu siri perbincangan telah dianjurkan oleh *MySDG Center for Social Inclusion* (MySDG CSI), unit kajian dan dasar APPGM-SDG untuk mendapatkan input dan maklum balas pihak-pihak tersebut. Siri perbincangan ini dibahagikan kepada dua sesi yang dilangsungkan bersempena dengan sidang Parlimen Malaysia pertama dan kedua untuk tahun 2024. Sesi perbincangan pertama telah berlangsung pada 29hb Februari 2024 dan dihadiri oleh ahli-ahli parlimen dan pihak CSO. Sesi kedua pula telah berlangsung pada 16hb Julai 2024 dan telah dihadiri oleh ahli-ahli parlimen dan agensi-agensi kerajaan persekutuan.

### **2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama, 29hb Februari 2024**

Pada sesi perbincangan yang pertama, Ahli-ahli Parlimen yang hadir telah membincangkan isu-isu berkaitan kemiskinan di peringkat tempatan dan kawasan parlimen sehingga ke peringkat nasional (rujuk **Lampiran 2** untuk senarai kehadiran). Perbincangan tersebut berpandukan kepada senarai 12 isu berkaitan kemiskinan dan

kawasan-kawasan parlimen yang terlibat yang telah dibentangkan oleh pihak MySDG-CSI hasil daripada aktiviti pemetaan APPGM-SDG. Sesi ini telah dihadiri oleh 10 orang Ahli Parlimen dan dipengerusikan bersama oleh YB Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy (Kota Belud) dan YB Rushdan Rusmi (Padang Besar).

Senarai 12 isu tersebut adalah seperti berikut:

1. Kesukaran mendapat peluang pekerjaan dan perolehan gaji yang rendah
2. Sistem sokongan yang kurang baik untuk pekerjaan atau perniagaan
3. Jurang antara keperluan pekerjaan dan set kemahiran yang dimiliki atau sedia ada
4. Kesejahteraan komuniti di kawasan/kediaman pulau
5. Sokongan formal atau informal untuk bangunkan perniagaan, keusahawanan
6. Modernisasi dan perubahan struktur ekonomi
7. Masalah kewangan dan tekanan ekonomi khususnya untuk usahawan kecil tempatan
8. Pembangunan belia
9. Kekangan dan kekurangan pemberdayaan ekonomi untuk Orang Asli dan Asal
10. Mengarusperdanakan gender dalam keadaan kemiskinan
11. Pembangunan tidak seimbang (Sabah dan Sarawak)
12. Isu berkaitan dengan keadaan sosio-ekonomi golongan India

Huraian untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di dalam **Lampiran 1.1**.

Semua pihak yang hadir bersetuju bahawa isu-isu di atas adalah hakiki dan sememangnya berkaitan dengan tema kemiskinan. Di samping itu, Ahli-ahli Parlimen juga telah mengusulkan beberapa cadangan untuk membasmi kemiskinan di Malaysia. Namun, mereka juga telah mencadangkan supaya skop kemiskinan perlu diperincikan lagi supaya isu-isu dan dasar-dasar yang akan dibincangkan selanjutnya menjadi lebih spesifik dan bersasar.

## **2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 16hb Julai 2024**

Hasil daripada FGD pertama telah menjadi asas kepada sesi kedua yang telah dianjurkan pada sesi 16 Julai 2024. Seperti yang dicadangkan oleh Ahli-ahli parlimen, kami telah menyusun dan menganjurkan sesi ini dengan menjemput kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembasmian kemiskinan untuk perbincangan yang berfokuskan kepada Semenanjung Malaysia. Objektif utama sesi tersebut adalah untuk mencari penyelesaian secara bipartisan dan pelbagai pihak berkepentingan bagi isu-isu yang berbangkit. Penyelesaian yang dicari bukan hanya untuk masa segera tetapi haruslah juga mampan dan berpandukan matlamat-matlamat SDG yang dijuarai oleh APPGM-SDG.

Selain daripada menghantar surat jemputan kepada pelbagai kementerian, pihak MySDG CSI juga telah melakukan kunjungan hormat ke pejabat-pejabat kementerian di Putrajaya sepanjang bulan Jun dan awal bulan Julai untuk memanjangkan jemputan dan berkongsi senarai awalan isu-isu tersebut. Demi memastikan sesi perbincangan yang bermakna kepada pihak-pihak MP dan kementerian, MySDG-CSI juga telah menghantar isu-isu utama perbincangan kepada semua pihak yang dijemput 2 minggu sebelum tarikh perbincangan.

Sesi perbincangan ini telah disertai empat orang Ahli Parlimen dan dipengerusikan secara bersama dan bipartisan oleh YB Tuan Rushdan bin Rusmi (Padang Besar) dan YB Puan Young Syefura binti Othman (Bentong). Setiap kementerian dan agensi telah diberi peluang untuk membentangkan maklum balas mereka terhadap isu-isu yang terletak di bawah bidang kuasa masing-masing. Ahli-ahli Parlimen yang hadir juga telah mencelah dan memberi respons mereka kepada pihak kementerian dan agensi kerajaan (rujuk **Lampiran 3** untuk senarai kehadiran).<sup>11</sup>

Tiga isu utama untuk tema kemiskinan di Semenanjung Malaysia yang telah dibincangkan adalah seperti senarai di bawah. Seperti yang telah dibincangkan pada awal laporan ini, isu-isu berkaitan kemiskinan adalah berhubung kait dengan aspek-aspek sosioekonomi yang meluas dan keadaan ini diketengahkan dalam huraihan isu-isu tersebut:

1. **Kemiskinan dan kesihatan:** kesukaran untuk mendapat perkhidmatan kesihatan, isu hubungan antara gender, kesihatan dan kewujudan perlindungan sosial.
2. **Kemiskinan dan pendidikan:** kekurangan akses kepada peluang pendidikan yang berkualiti.
3. **Kemiskinan dan taraf kehidupan:** kesukaran mendapat peluang pekerjaan, Kekurangan keupayaan untuk peniaga-peniaga kecil memasarkan barang mereka, Keadaan kehidupan dan sosial golongan yang tinggal di PPR, perumahan kos rendah dan rumah transit, Kekurangan infrastruktur asas yang membolehkan aktiviti perniagaan dan boleh menjana pendapatan

Huraihan lanjut untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di dalam **Lampiran 1.2**.

Sesi FGD kedua ini juga disusuli dengan bengkel bersama wakil daripada CSO pada 10hb Ogos 2024 untuk membentangkan maklum balas daripada agensi-agensi kerajaan kepada mereka dan mendapatkan pandangan mereka dalam penyediaan laporan ini.

---

<sup>11</sup> Satu tambahan telah dijalankan bersama ahli-ahli parlimen daripada Semenanjung Malaysia pada 1 Ogos 2024 untuk mendapatkan maklum balas lanjut daripada mereka.

### **3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI PARLIMEN**

Bahagian ini mengetengahkan maklum balas daripada pihak kementerian dan agensi kerajaan untuk isu-isu utama yang terpilih yang telah diketengahkan semasa sesi perbincangan. Rata-rata semua kementerian dan agensi kerajaan telah memberi maklum balas yang tuntas dan komprehensif terhadap isu-isu yang berkaitan dengan bidang kuasa mereka. Maklum balas pihak-pihak berkenaan menunjukkan bahawa agensi-agensi kerajaan arif dan cakna dengan isu-isu yang berbangkit. Mereka juga telah mengambil langkah untuk menangani isu-isu tersebut melalui pelan dan tindakan yang bersesuaian dan yang berada di dalam lingkungan bidang kuasa mereka. Langkah-langkah tersebut bukan sahaja merangkumi tindakan, solusi dan mitigasi jangka pendek, tetapi juga perancangan dasar yang menetapkan objektif-objektif dan tindakan-tindakan jangka panjang untuk menyelesaikan dan menambah baik aspek tatakelola untuk isu-isu berkenaan.

Secara keseluruhan, walaupun umumnya respons yang telah dikemukakan oleh agensi-agensi berkaitan menunjukkan kewujudan tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang bersepada ke arah menangani isu-isu tersebut, Ahli-ahli Parliment telah memberi maklum balas seputar keperluan untuk diadakan jalinan kerjasama dan koordinasi yang lebih baik antara agensi-agensi kerajaan di pelbagai peringkat pentadbiran dalam usaha untuk memastikan keberkesanan tindakan-tindakan dan langkah-langkah tersebut. Dalam erti kata lain, walaupun telah wujud dasar-dasar dan mekanisme-mekanisme membanteras kemiskinan yang relevan, kaedah penyampaian perlu diperkemaskan untuk memastikan manfaat yang dijangkakan akan dapat dinikmati secara inklusif oleh semua peringkat masyarakat.

Tidak semua isu yang diketengahkan telah dibincangkan semasa sesi FGD disebabkan kesuntukan masa. Namun begitu, beberapa isu telah dibincangkan secara mendalam antara Ahli-ahli parliment dan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan, termasuk kesukaran golongan graduan untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan, kekurangan bantuan perniagaan dan keusahawanan untuk golongan rentan, kemiskinan bandar dan luar bandar dan isu perumahan, dan juga cabaran sosioekonomi masyarakat Orang Asli.<sup>12</sup>

---

<sup>12</sup> Lihat Lampiran 1.3 untuk senarai keseluruhan maklum balas dan cadangan dasar.

### **3.1 Kemiskinan dan Kesihatan**

Isu utama yang pertama, iaitu kemiskinan dan kesihatan telah dipecahkan kepada tiga isu perincian, iaitu kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan; isu gender seperti kesukaran ibu hamil dan/atau tunggal untuk mendapat perkhidmatan kesihatan; dan juga isu akses kepada perlindungan sosial.

Wakil **Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)**, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah memberi maklum balas yang khusus untuk komuniti Orang Asli. Beliau memaklumkan bahawa untuk membantu masyarakat Orang Asli yang terkesan dengan kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan, JAKOA telah menyediakan ambulans 4x4 dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan ambulans helikopter untuk masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan yang jauh dan terpencil apabila mereka memerlukan bantuan kesihatan.

### **3.2 Kemiskinan dan Pendidikan**

Hubungan antara kemiskinan dan pendidikan merupakan isu utama yang kedua yang telah diketengahkan untuk perbincangan antara Ahli-ahli Parliment dan kementerian serta agensi kerajaan. Isu perincian yang telah dibincangkan adalah kekurangan akses kepada peluang pendidikan merangkumi masalah keciciran dan ketidakhadiran pelajar yang datang dari keluarga miskin dan juga jarak sekolah yang jauh daripada rumah atau kawasan penempatan.

Bagi menangani isu-isu yang telah dibangkitkan di atas, wakil **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** telah memaklumkan sidang perbincangan bahawa KPM telah menggagaskan 7 Teras Nadi Keunggulan sebagai aspirasi KPM bagi melahirkan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera. Teras ketiga adalah memberi perhatian terhadap isu kemiskinan multidimensi bagi murid daripada keluarga B40. Di bawah teras ketiga ini terdapat 8 inisiatif yang telah digarap oleh KPM bagi menangani isu seperti keciciran dan ketidakhadiran yang dibangkitkan dalam kertas perbincangan pada hari ini iaitu perluasan akses pendidikan pra-sekolah, rendah dan menengah bagi murid Orang Asli dan kawasan pedalaman, pengisian murid asrama sekolah harian bagi kategori B40 dioptimumkan, program Rancangan Makanan Tambahan (RMT), program Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), pemberian bantuan untuk murid B40, penggunaan pusat komuniti untuk aktiviti selepas waktu persekolahan, sumbangan *one-off* Dana Amanah Tabung Kesejahteraan Kanak-Kanak Sedunia, dan kempen kesedaran ruang belajar di rumah.

Bagi menangani isu keciciran secara lebih khusus, wakil KPM juga memaklumkan Ahli-ahli Parlimen dan sidang perbincangan bahawa KPM juga telah mencadangkan untuk mewajibkan pendidikan menengah. Buat masa ini, hanya pendidikan rendah diwajibkan untuk semua kanak-kanak Malaysia.

### **3.3 Kemiskinan dan Taraf Kehidupan**

Isu utama perbincangan yang ketiga, iaitu hubungan antara kemiskinan dan taraf kehidupan merupakan isu yang dibincangkan dengan paling mendalam antara Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan. Empat isu perincian telah dibawa ke meja perbincangan iaitu kesukaran mendapat peluang pekerjaan, kekurangan keupayaan untuk peniaga-peniaga kecil memasarkan barang mereka, keadaan kehidupan dan sosial golongan yang tinggal di PPR, perumahan kos rendah dan rumah transit, serta kekurangan infrastruktur asas yang membolehkan aktiviti perniagaan dan boleh menjana pendapatan.

Menurut wakil **Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)**, kerajaan telah merangka strategi untuk menangani isu **kesukaran golongan graduan untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka** melalui tindakan-tindakan yang bertujuan untuk membendung punca-punca akar yang menjadi penyebab kepada masalah tersebut. Antaranya adalah cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak **KESUMA** supaya satu langkah desentralisasi diadakan untuk membuat analisis pembekalan dan permintaan (*supply and demand*) pekerjaan di peringkat sektoral yang telah pun dimasukkan ke dalam Dasar TVET Negara. Langkah Ini adalah untuk membolehkan perancangan latihan dilakukan berdasarkan permintaan sebenar (*true demand*) di kawasan-kawasan yang spesifik. Selain itu, sistem latihan dan pendidikan tinggi juga telah melalui proses reformasi yang berfokuskan pengukuhan hubungan antara pusat-pusat latihan dan institusi pengajian tinggi dan pihak industri. Antara inisiatif yang telah diperkenalkan termasuk program *Dual System* yang menempatkan pelajar terus ke tempat kerja untuk mengurangkan jurang ketidakpadanan antara kemahiran yang diajar di pusat latihan dan yang diperlukan majikan, dan program Akademi Dalam Industri, sebuah program bekerja sambil belajar yang dijalankan melalui kerjasama antara Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan KESUMA.

Seterusnya, isu **kekurangan bantuan perniagaan dan keusahawanan untuk golongan rentan** juga telah dibincangkan secara meluas. Menurut Ahli-ahli Parlimen, walaupun banyak program bantuan telah disediakan untuk membantu golongan wanita, ramai daripada mereka yang menghadapi cabaran untuk maju dalam bidang keusahawanan. Mereka berisiko untuk kekal di takuk yang sama setelah mendapat

bantuan – maksudnya, skala keusahawanan mereka tidak berubah dan mereka tidak menikmati kemajuan yang akan membawa perniagaan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam senario seperti ini, meskipun agensi-agensi yang memberi bantuan telah mencapai sasaran mereka untuk menempatkan golongan sasar – dalam konteks ini, wanita – di dalam sektor keusahawanan, hala tuju penerima bantuan dari segi mobiliti jangka panjang mereka adalah tidak jelas. Salah satu punca masalah ini adalah program bantuan yang bertaburan dan tidak diselaraskan antara agensi pemberi bantuan.

Wakil-wakil daripada **Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)** dan **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)** memaklumkan Ahli-ahli Parlimen dan sidang perbincangan bahawa pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh agensi-agensi yang mempunyai bidang kuasa yang berhubung kait dengan kumpulan-kumpulan sasar yang khusus untuk meningkatkan keberdayaan keusahawanan dan perniagaan kumpulan-kumpulan tersebut. Salah satu agensi tersebut adalah JPW yang telah melaksanakan program pembangunan kapasiti dan latihan keusahawanan yang merangkumi program-program dan advokasi penjanaan pendapatan, ekonomi dan kemahiran serta literasi kewangan bagi membantu golongan wanita termasuk ibu tunggal.

Satu lagi golongan rentan yang terlibat adalah komuniti Orang Asli. Sehubungan itu, cabaran sosioekonomi yang dihadapi masyarakat Orang Asli juga telah dibincangkan. Wakil JAKOA memaklumkan bahawa kerajaan telah menggariskan langkah-langkah untuk menangani isu modenisasi dan perubahan struktur ekonomi yang dihadapi oleh Orang Asli. Pihak JAKOA telah menjalankan 2 program bagi tujuan tersebut iaitu Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli Berasaskan Perniagaan melalui Program Pembangunan Usahawan yang dijalankan dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta Program Pembangunan Ekonomi yang mengekalkan sokongan kepada aktiviti berasaskan pertanian yang merupakan salah satu aktiviti utama masyarakat Orang Asli. Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli menyediakan geran kepada usahawan Orang Asli bagi menampung kos operasi dan mengembangkan perniagaan mereka. JAKOA juga mengadakan program rangsangan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh Orang Asli dengan menyediakan latihan secara khusus dan *coaching* secara terus kepada usahawan Orang Asli. Selain itu, JAKOA menyertai program kerjasama KKDW bagi mencapai matlamat untuk mendigitalkan produk-produk Orang Asli untuk pasaran serta mengadakan Karnival Usahawan Orang Asli pada setiap tahun.

KUSKOP pula melaksanakan beberapa program yang merangkumi bantuan geran dan pinjaman melalui agensi-agensinya dengan tujuan untuk membantu golongan miskin dan B40. Bantuan-bantuan tersebut termasuklah pemberian geran perniagaan oleh SME

Bank melalui program iTekad, sebuah program rangkuman yang telah diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan tujuan membantu usahawan mikro dan berpendapatan rendah, bantuan perniagaan di bawah program skim pembiayaan TEKUN Niaga, bantuan Tabung Modal Pusingan koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), bantuan perniagaan untuk perniagaan mikro melalui skim pembiayaan ikhtiar oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), dan program-program keusahawanan di bawah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Berhubung masalah **kekurangan infrastruktur asas khususnya kekurangan kemudahan jaringan Internet** yang menjadi penghalang kepada perkembangan perniagaan dan keusahawanan terutamanya di kawasan luar bandar, wakil **Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (SKMM), Kementerian Komunikasi (KK)** memberi maklum balas bahawa SKMM telah menyediakan perkhidmatan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di banyak kawasan di seluruh negara. Sasaran yang telah ditetapkan oleh SKMM ialah untuk membina 1 NADI di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara. Setakat bulan Julai semasa sesi FGD dijalankan, telah terdapat 911 NADI yang beroperasi dan akan ada pertambahan sebanyak 186 NADI yang baru pada tahun 2024.

Satu lagi perkara yang telah menjadi perbincangan mendalam antara Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan ialah **masalah perumahan yang menjadi punca kepada kemiskinan bandar dan luar bandar**. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa salah satu punca yang menyebabkan ketidakcukupan perumahan mampu milik dan kos rendah di kawasan bandar ialah trend penghijrahan atas faktor ekonomi dari luar bandar yang telah menyebabkan kepadatan kawasan bandar. Trend tersebut adalah paling ketara di Lembah Klang yang menerima kemasukan migrasi dalaman yang tinggi dari seluruh negara – satu fakta yang tidak mengejutkan mengambil kira tumpuan pembangunan di Kuala Lumpur dan Selangor. Trend ini telah membawa kesan serampang dua mata: pertama, tapak untuk menyediakan perumahan mampu milik dan kos rendah untuk golongan yang kurang berkemampuan dan miskin bandar tidak mencukupi, dan kedua, kawasan desa dan luar bandar tidak menikmati kemajuan dan perkembangan ekonomi kerana penghijrahan keluar penduduk terutamanya golongan muda dan belia. Untuk menangani kesan tersebut, Ahli-ahli Parlimen mencadangkan supaya proses memperbaharui kawasan desa dan luar bandar diberi perhatian dan dirancakkan melalui kerjasama pelbagai agensi di semua peringkat. Proses tersebut haruslah menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat yang akan menjana peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi yang boleh membantu untuk membendung trend penghijrahan keluar daripada kawasan-kawasan tersebut dan menutup kesenjangan pembangunan bandar dan luar bandar.

Antara kementerian utama yang bertanggungjawab untuk meningkatkan taraf kehidupan miskin bandar adalah **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**. Wakil KP KT memaklumkan bahawa salah satu aspek utama fokus KP KT ialah untuk menyediakan perumahan yang boleh didiami oleh semua golongan termasuk yang tidak berkemampuan. KP KT mempunyai beberapa program untuk menyediakan perumahan mampu milik untuk golongan B40 dan M40 di bandar seperti rumah-rumah kos rendah, Rumah Mesra Rakyat yang dibina oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan juga PR1MA. Terdapat juga Program Perumahan Rakyat (PPR) yang boleh dijual dan disewa beli oleh isi rumah miskin yang berdaftar dengan sistem eKasih. Selain itu, Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMN) telah diperkenalkan oleh KP KT untuk menggariskan standard, spesifikasi utama, harga serta panduan bagi pembangunan rumah mampu milik sama ada yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta. Mengikut DRMN, setiap pembangunan mesti menyediakan 30% rumah mampu milik. KP KT juga menggalakkan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memberi kebenaran kepada pembinaan lebih banyak rumah mampu milik dan menyediakan insentif kepada pemaju untuk membina rumah-rumah tersebut.

## **4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN**

Sebagai respons kepada maklum balas yang telah dikemukakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan di atas, para Ahli Parlimen telah memberi cadangan dasar dan solusi untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan. Cadangan-cadangan dihuraikan dengan lebih lanjut di dalam bahagian ini mengikut turutan ketiga-tiga isu utama di atas. Cadangan-cadangan tersebut juga dipadankan dengan matlamat-matlamat dan sasaran-sasaran SDG yang berkaitan bagi mengetengahkan kepentingan mereka ke arah kita memenuhi Agenda SDG menjelang tahun 2030. Senarai kesemua cadangan dasar boleh dirujuk di **Lampiran 1.3**.

### **4.1 Kemiskinan dan Kesihatan**

Para Ahli Parlimen telah mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menangani isu kekurangan akses kepada kemudahan kesihatan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli. Ahli-ahli Parlimen telah meminta **JAKOA untuk memberikan laporan tentang standard yang diguna pakai berkaitan dengan Orang Asli** bagi menentukan kesihatan, kemudahan dan lokasi mengenai perkhidmatan sedia ada. Selain itu, Ahli-ahli Parlimen juga menyatakan bahawa mereka memerlukan **pemetaan dari sudut kemudahan dan infrastruktur sedia ada yang diguna pakai oleh JAKOA dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada Orang Asli. Maklumat tersebut akan memudahkan

pihak-pihak berkepentingan di semua peringkat termasuk Ahli Parlimen, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan sebagainya untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi menyelesaikan isu tersebut. Ahli-ahli Parlimen juga menegaskan bahawa perkongsian maklumat dan data seperti ini tidak hanya penting untuk golongan tertentu sahaja seperti Orang Asli tetapi haruslah meluas dan meliputi kawasan parlimen yang mempunyai kawasan miskin yang perlu diberikan keperluan kesihatan.

Cadangan-cadangan di atas secara keseluruhannya adalah selari dengan matlamat **SDG 3** iaitu memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur. Hampir kesemua sasaran khusus yang terkandung di bawah SDG 3 boleh dipenuhi melalui langkah-langkah yang lebih terbuka dari segi perkongsian maklumat dengan pihak berkepentingan di semua peringkat. Ia juga sejajar dengan matlamat **SDG 17** yang memanggil ke arah pelaksanaan dasar yang berkesan dan perkongsian pelbagai pihak berkepentingan.

## **4.2 Kemiskinan dan Pendidikan**

Bagi menangani isu-isu berkaitan hubungan kemiskinan dan pendidikan, satu cadangan telah diketengahkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Cadangan tersebut adalah supaya **program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) ditambah baik** untuk memastikan makanan yang dihidangkan kepada pelajar sekolah adalah berkhasiat dan menepati keperluan nutrisi mereka. Isu ini memerlukan kerjasama yang erat di antara KPM dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merangka program pemakanan pelajar sekolah yang menepati standard kesihatan semasa.

Cadangan ini adalah selari dengan matlamat **SDG 4** iaitu memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama untuk semua golongan. Ia juga adalah mustahak bagi membantu kita ke arah memenuhi matlamat **SDG 2** (menghentikan masalah kelaparan, mencapai sasaran jaminan makanan dan pemakanan yang lebih baik serta menggalakkan pertanian lestari) khususnya sasaran **2.2** iaitu menghentikan semua bentuk malnutrisi dan masalah penghambatan tumbesaran kanak-kanak serta memenuhi keperluan pemakanan mereka.

## **4.3 Kemiskinan dan Taraf Kehidupan**

Isu pekerjaan merupakan salah satu isu tempatan utama yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Parlimen. Salah satu penyumbang utama kepada isu tersebut ialah ketidakpadanan kelayakan graduan dengan permintaan di dalam pasaran kerja, yang telah mendorong golongan tersebut untuk menceburi sektor ekonomi gig yang tidak menyediakan imbuhan dan perlindungan sosial yang stabil dan mencukupi. Ahli-ahli Parlimen telah

mengambil maklum tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ketidakpadanan tersebut. Namun, mereka mencadangkan supaya terdapat **koordinasi yang lebih baik antara agensi-agensi kerajaan persekutuan dengan pihak berkuasa serta organisasi tempatan** supaya keperluan industri di peringkat tempatan dapat dipadankan dengan lebih baik dengan program pendidikan dan latihan yang ditawarkan. Ini adalah selari dengan anjuran **SDG 16**, khususnya **16.6** yang menuntut supaya institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus dibangunkan di setiap peringkat masyarakat, dan **16.7** yang mendorong kepada proses pembuatan keputusan yang melibatkan perwakilan, adalah berbentuk penyertaan, inklusif dan responsif di setiap peringkat masyarakat.

Saranan oleh Ahli-ahli Parlimen ini adalah penting kerana ianya mengungkapkan rasa dan keperluan golongan sasar di peringkat akar umbi, dan pada masa yang sama juga seiring dengan **SDG 8**. **SDG 8.5** contohnya menuntut supaya guna tenaga penuh dan produktif dan pekerjaan yang baik untuk semua golongan termasuk belia, orang kurang upaya, wanita dan lelaki dicapai. Sama pentingnya adalah **SDG 8.6** yang menuntut supaya jumlah belia yang menganggur, tiada pendidikan dan latihan perlu dikurangkan. Sekiranya pandangan yang lebih makro diambil, usaha bagi menangani keperluan peluang pekerjaan untuk golongan graduan perlu digandakan supaya ketidaksamaan antara golongan sasar dan masyarakat umumnya, dan golongan miskin dengan yang kaya tidak meningkat. **SDG 10** memberikan penekanan kepada keperluan ini, khususnya **10.1** yang memerlukan agar pertumbuhan pendapatan populasi 40 peratus terendah harus lebih tinggi daripada pertumbuhan kadar purata kebangsaan. Golongan yang tiada pekerjaan dan pendapatan yang stabil, termasuk juga graduan yang tiada pekerjaan, terkandung atau mempunyai risiko besar akan jatuh menjadi sebahagian daripada golongan 40 peratus terbawah ini.

Selain koordinasi, pihak Ahli-ahli Parlimen turut mengesyorkan supaya **saluran komunikasi serta advokasi tentang keperluan industri tempatan dan program latihan yang ditawarkan dijalankan dengan lebih jelas dan berkesan** agar sampai ke komuniti-komuniti di peringkat akar umbi. Di kawasan-kawasan parlimen tertentu khususnya yang bercirikan luar bandar atau separa bandar, penyampaian dasar dan maklumat tidak merangkumi penyertaan pihak berkepentingan dan komuniti tempatan. Prinsip ini terkandung dan dituntut oleh **SDG 17.17** agar kerjasama melibatkan masyarakat civil, hubungan sektor awam serta swasta, dan pihak sektor awam umumnya dilaksanakan. Melalui kerjasama yang lebih inklusif dan bertingkat, penyampaian dasar kerajaan akan lebih berkesan, dan keperluan komuniti akar umbi dapat diatasi.

Ahli-ahli Parlimen juga telah mencadangkan supaya **diwujudkan sebuah jawatankuasa rentas kementerian dan agensi untuk merangka satu pelan tindakan bagi**

**memastikan kewujudan hala tuju yang jelas bagi keusahawanan wanita di Malaysia.** Cadangan ini berkait rapat dengan matlamat beberapa SDG iaitu **SDG 5, SDG 8** dan **SDG 9**. Hasil pemetaan isu oleh APPGM-SDG menunjukkan bahawa ketidakseimbangan gender dalam ekonomi, terutamanya dalam bidang keusahawanan masih ketara. Ini adalah selari dengan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Mengikut data DOSM, sehingga tahun 2023, terdapat sebanyak 61% wanita yang tinggal di kawasan bandar dan sebanyak 68.8% dari kawasan luar bandar yang tidak menyertai pasaran pekerjaan, disebabkan oleh tanggungjawab rumahtangga. Meskipun berdepan kekangan masa dan tanggungjawab keluarga, ramai wanita tersebut masih terlibat dengan bidang keusahawanan yang membolehkan mereka bekerja dekat dengan rumah dengan waktu bekerja yang fleksibel.

Di samping itu, akses masyarakat kepada jaringan Internet dan kemahiran untuk menggunakan teknologi ICT dapat membantu untuk merancakkan bidang keusahawanan untuk golongan rentan termasuk wanita dan berhubung kait dengan sasaran SGD **5.b**. Walaupun data menunjukkan bahawa lebih kurang 90% warga Malaysia telah mempunyai akses kepada perkhidmatan internet (*Khazanah Research Institute*, 2020), dapatan pemetaan APPGM-SDG menunjukkan bahawa masih terdapat sebilangan besar penduduk miskin di bandar dan luar bandar yang masih tidak mendapat akses kepada Internet disebabkan faktor-faktor seperti ketidakmampuan untuk membayar kos Internet ataupun sememangnya perkhidmatan Internet tidak sampai ke kawasan mereka.

Bagi menangani trend penghijrahan dari bandar ke luar bandar, Ahli-ahli Parlimen mencadangkan supaya **proses mencergaskan dan memperbaharui kawasan desa dan luar bandar diberi perhatian dan dirancakkan** melalui kerjasama pelbagai agensi di semua peringkat. Cadangan ini adalah satu pengimbasan kepada isu-isu ketidakseimbangan pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar, serta di antara bahagian-bahagian dalam negara yang berlainan seperti Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ini adalah penting supaya kadar penghijrahan dari kawasan luar bandar ke bandar dapat dikurangkan dan seterusnya mengurangkan kepadatan penduduk di bandar dan memastikan kawasan luar bandar didiami generasi muda dan pelapis.

Pembangunan yang berlebihan di kawasan bandar akan memberi tekanan kepada keperluan asas penduduk, seperti bilangan perumahan dan kemudahan asas. Penyelenggaraan kemudahan asas juga menjadi satu isu yang ketara seperti perkhidmatan pembuangan sampah yang tidak dapat menampung bilangan penduduk yang semakin ramai, banjir kilat dan kesesakan jalan raya dan kekurangan tempat letak kenderaan. Kawasan luar bandar pula berdepan dengan masalah ketidakcukupan

